

NO. SOALAN : 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 13 MAC 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pelan strategik bagi memastikan bekalan elektrik di Sabah tidak kerap berlaku terputus bekalan dan berapa jumlah kes gangguan bekalan elektrik di Sabah sejak 10 tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan amat peka akan masalah kualiti penyampaian bekalan elektrik dan gangguan bekalan elektrik yang masih dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sabah. Secara umumnya, kejadian gangguan bekalan elektrik di Sabah adalah disebabkan oleh *reserve margin* (dengan izin) yang tipis, jaringan penghantaran dan pengagihan elektrik yang masih belum kukuh menyebabkan lucutan beban atau *emergency load shedding* (dengan izin) kadangkala terpaksa dilakukan; dan kes kecurian elektrik yang kerap menyumbang kepada insiden gangguan bekalan elektrik.

2. Kerajaan melalui Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah mengambil langkah-langkah mitigasi jangka pendek, seperti penempatan set jana kuasa mudah alih dengan kapasiti sebanyak 80MW, rehabilitasi dan senggaraan stesen-stesen jana kuasa diesel lama, pembinaan Stesen Jana Kuasa Kubota di Tawau, pemulihan set jana kuasa di

Stesen Jana Kuasa Batu Sapi, Sandakan serta pemindahan set jana kuasa mudah alih berkapasiti 8MW dari Tg. Aru ke Labuk, Sandakan. Langkah-langkah ini telah memperlihatkan hasil yang baik dan dibuktikan melalui pengurangan catatan *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)* di Sabah iaitu daripada 2,867 minit/pengguna/tahun pada tahun 2009 kepada 423.99 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2013 atau pengurangan sebanyak **85.2%**.

3. Set-set jana kuasa yang telah dipindahkan daripada Teluk Ewa ke Sabah bagi pembinaan Stesen Jana Kuasa Kubota di Tawau, telah memulakan operasinya pada tahun 2013. Ini diikuti dengan pemuliharaan set jana kuasa Batu Sapi di Sandakan bagi tambahan 20MW dan pemindahan set jana kuasa mudah alih 8MW daripada Tg. Aru ke Labuk, Sandakan. Tambahan kapasiti sebanyak 92MW ini dalam Grid Sabah telah memberikan sedikit kelegaan kepada sistem grid di Sabah sebelum projek penjanaan lain, iaitu Projek Stesen Jana Kuasa Cash Horse (10MW) berasaskan biomass, Projek Stesen Jana Kuasa SPR Energy (100MW) dan Kimanis Power (285MW) disiapkan secara berperingkat mulai suku kedua tahun 2014.

4. Projek-projek penjanaan lain yang di dalam pembinaan dan perancangan (pasca 2014) adalah Stesen Jana Kuasa Tawau Green

Energy (30MW) berasaskan sumber geoterma di Apas Kiri, Tawau pada tahun 2016, Stesen Hidro Elektrik Upper Padas (180MW) pada tahun 2019 dan sebuah Stesen Jana Kuasa besar berasaskan gas dengan kapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah pada tahun 2019. Di samping itu, perancangan pengimportan tenaga hidro dari Sarawak sehingga 700MW dan talian penghantaran kedua (*Southern Link*) bagi menyalurkan tenaga dari Pantai Barat ke Pantai Timur akan membantu memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di Sabah untuk jangka masa panjang.

5. Langkah-langkah yang telah diambil SESB bagi menambah baik sistem penghantaran dan pengagihan pula adalah seperti penukaran konfigurasi talian 66kV bagi meningkatkan sistem perlindungan pada pemasangan-pemasangan SESB, pelaksanaan sistem pengurusan *reactive power*, dengan izin, dan kawalan voltan, serta penyelenggaraan yang lebih kerap pada talian berkapasiti 33kV dan 11kV bagi mengenal pasti tahap teknikal talian tersebut dan melakukan pembaikan sekiranya perlu. Bagi memperkukuhkan sistem penghantaran dan pengagihan yang terdedah kepada gangguan cuaca, tambahan sistem perlindungan kilat dan penggantian komponen-komponen sistem penghantaran seperti alatubah, pengasing, *capacitive voltage transformer* yang telah berusia

serta penggantian talian tak salut (*bareline*) kepada pengalir bertebat (*aerial bundled cable – ABC*) telah dilaksanakan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

6. Bagi tempoh 10 tahun lalu, jumlah kes gangguan bekalan elektrik yang direkodkan adalah seperti berikut iaitu:

- (a) Gangguan berjadual sebanyak 32,347 bilangan gangguan;
- (b) Gangguan tidak berjadual sebanyak 209,454 bilangan gangguan; dan
- (c) Jumlah Gangguan adalah sebanyak 241,801 bilangan gangguan.
